

# Harga murah tarikan Nilai 3

Pada awal bulan, Nilai 3 bagaikan berpesta dengan jualan borong hingga pengunjung sukar mencari tempat letak kereta

Oleh Mohd Amin Jalil

**NILAI:** Serendah mana harga yang pernah anda dapat untuk empat meter kain baju kurung? Di Nilai 3, mungkin serendah RM10!

Justeru, tidak hairan pusat borong terbesar berkenaan sentiasa menjadi tumpuan ramai, termasuk pelancong dari Sarawak dan Singapura. Macam-macam ada di Nilai 3 dan harga yang ditawarkan lebih murah berbanding tempat lain.

Pada Sabtu dan Ahad serta cuti umum, terutama pada awal dan akhir bulan, Nilai 3 lebih meriah bagaikan pesta jualan borong dengan suasana hingar-bingar dan pengunjung bersimpang siur hingga sukar mencari tempat letak kereta.

Bayangkan harga RM10, RM10.90, RM12, RM12.90 dan RM16 untuk bahan seperti sepasang kain, belum lagi dikira harga tudung beraneka jenis yang dijual daripada harga RM4 hingga RM10 sehelia.

Peminat bunga plastik juga boleh membeli pada harga RM1 atau RM2 sekuntum untuk dibawa pulang bersama bingkai gambar dan lukisan yang dijual di situ.

dihiasi ayat suci al-Quran, imej bunga dan buah yang harganya jauh lebih murah.

Harga pinggan manguk termasuk yang berjenama juga seimbang berbanding pulau bebas cukai Langkawi dan Padang Besar, di Perlis yang pernah menjadi tumpuan ramai pada satu masa dulu.

Nilai 3 juga mewah dengan pokok hiasan dan landskap taman rumah, seramik, perabot jati dan rotan dari Vietnam dan Indonesia, selain pelbagai barang buatan China.

Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Sembilan (MTPNS) yakin pengunjung akan semakin bertambah manakala Nilai 3 juga akan terus kekal sebagai pusat membeli-belah borong harga murah terkemuka negara, sekali gus memberi peluang kepada peniaga memajukan perniagaan.

Pengurus MTPNS, Mohd Hatta Said, berkata pihaknya sudah meminta pengurusan pusat berkenaan mengutamakan keselesaan pengunjung, termasuk menyediakan tempat letak kereta mencukupi dan mengekalkan harga rendah pada setiap barang yang dijual di situ.



ANEKA: Pelbagai jenis pakaian dijual pada harga murah di Nilai 3.

## FAKTA

### Kelebihan Nilai 3

- Nilai 3 terletak di laluan menghalau ke selatan mengambil masa perjalanan 40 minit hingga satu jam dari Kuala Lumpur.
- Ia sebahagian komponen bandar Nilai yang satu ketika dulu adalah pekan sunyi.
- Nilai 3 dibuka pada 2002 dan ketika ini mencatatkan kehadiran kira-kira 50,000 pengunjung sebulan dan bertambah pada hujung minggu serta cuti sekolah.
- Sebanyak 260 kedai beroperasi di Nilai 3 dari jam 10 pagi hingga 10 malam dan diiktiraf sebagai kawasan pusat borong terbesar negara.
- Produk jualan seperti kain, langsir, keperluan rumah, jam, beg, baju, permainan kanak-kanak, pasu, bantal, seramik, keropok, kerek, bunga hiasan, barang hiasan, pinggan manguk, makanan, barang kulit dan peralatan elektrik.